

Najib bersalah semua 25 tuduhan

Keputusan
dibuat dalam
penghakiman
dibacakan
selama lima jam

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak didapati bersalah terhadap semua dakwaan iaitu empat tuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan 21 tuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Collin Lawrence Sequerah yang bertindak sebagai Hakim Mahkamah Tinggi, membuat keputusan itu dalam penghakiman yang dibacakan selama lima jam bermula pada jam 9.17 pagi semalam dan berehat pada jam 12.15 sebelum bersambung semula pada jam 3 petang berakhir jam 5 petang.

Sequerah mensabitkan Najib terhadap semua tuduhan selepas mendapati pembelaan bekas Ahli Parlimen Pekan itu gagal menimbunkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Najib yang memakai sut biru gelap berada di kandang tertuduh kelihatan tenang sepanjang prosiding.

Hakim mempersoalkan permintaan peguam Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, untuk penangguhan singkat prosiding selepas penghakiman.

Sequerah mahu meneruskan prosiding dengan menyatakan bahawa tiada arahan baharu boleh dipertimbangkan dan mengarahkan pihak pembelaan mengemukakan faktor mitigasi (rayuan bagi diringkaskan hukuman) untuk pertimbangan mahkamah sebelum hukuman dijatuhkan.

“Yang tinggal hanyalah mitigasi... saya tidak faham... arahan lanjut apa?” kata Sequerah.

Muhammad Shafee bagaimanapun bertegas meminta penangguhan singkat untuk membacakan beberapa perkara kepada anak guamnya dan menangani isu-isu yang dibincangkan pada pagi.

Peguam senior itu berkata, pihaknya hanya memohon mahkamah berhenti rehat seketika, yang kemudian dibenarkan hakim yang menyatakan beliau tersalah faham menyangka peguam itu memohon tarikh baharu untuk mitigasi.

Najib, 72, didakwa atas empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB melalui cawangan Amlslamic Bank Berhad di Jalan Raja Chulan antara 24 Februari 2011 hingga 19 Disember 2014.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta yang sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Bagi 21 pertuduhan pengubahan wang haram, Najib didakwa melakukan kesalahan itu di bank sama antara 22 Mac 2013 hingga 30 Ogos 2013.

Pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 4(l)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, yang memperuntukkan denda maksimum RM5 juta dan penjara sehingga lima tahun, atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Bekas Ahli Parlimen Pekan itu, didakwa pada 20 September 2018, dengan perbicaraan kes bermula pada 28 Ogos 2019 dan berakhir pada 30 Mei 2024, yang membabitkan keseluruhan 235 hari dan seramai 50 saksi.

Pada 30 Oktober 2024, mahkamah memerintahkan Najib membela diri yang mana hari pertama prosiding bela diri ialah pada 2 Disember 2024 dan hari terakhir 6 Mei 2025, mengambil masa selama 58 hari dengan 26 saksi.

Najib membela diri terhadap empat pertuduhan menggunakan kedudukan ketika itu bagi memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram.

Sepanjang tempoh perbicaraan, antara saksi penting dipanggil memberi keterangan ialah bekas Pengerusi 1MDB, Tan Sri Mohd Bakke Salleh; bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi; bekas Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz; bekas peguam syarikat itu, Jasmine Loo Ai Swan; adinda Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin, Tengku Datuk Rahimah Putri Almarhum Sultan Mahmud; dan bekas pegawai bank Goldman Sachs, Roger Ng Chong Hwa.

Pendakwaan menutup kes pada 24 Disember 2024.